

28 JUL 1997

Asean-PMC

EKONOMI DAN KESELAMATAN AGENDA PENTING DI PMC

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) -- Manipulasi matawang di rantau ini dan perkara-perkara berhubung keselamatan serantau menjadi agenda penting Mesyuarat Persidangan selepas Mesyuarat Peringkat Menteri (PMC) yang berlangsung selama dua hari, di sini, hari ini.

Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang sekali lagi mengecam perbuatan manipulasi matawang di rantau ini berkata, "Ia memang menyusahkan kerana ekonomi-ekonomi Asean terus mengalami pergerakan nilai matawang yang disebabkan oleh tindakan pihak-pihak berniat jahat," kata beliau dalam ucapan pembukaannya.

Menyifatkan perbuatan itu sebagai jenayah antarabangsa dan perbuatan sabotaj yang paling tinggi, Abdullah mengulangi pendirian Asean untuk mengambil langkah-langkah menentang tindakan penyangkak-penyangkak itu yang menyebabkan ekonomi-ekonomi Asean menghadapi tekanan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dua hari lepas telah berkata yang pembiaya kewangan antarabangsa dari Amerika Syarikat, George Soros merupakan dalang dalam manipulasi matawang Asean sejak awal bulan ini.

Setiausaha Negara Amerika Syarikat Madeleine Albright yang juga menyentuh isu itu berkata, dasar-dasar ekonomi yang mantap dan pasaran terbuka merupakan laluan terbaik ke arah pembangunan jangka panjang.

Dengan mengelakkan komen mengenai Soros ataupun dakwaan perbuatannya, Albright berkata AS telah mengawasi dengan rapi pasaran kewangan rantau ini dan juga sentiasa berhubung dengan Dana Kewangan Antarabangsa.

Sementara Albright terus menekan Myanmar, Menteri Luar Jepun Yukihiko Ikeda pula berharap kemasukan Laos dan Myanmar dalam Asean tidak akan menjejaskan pembangunan dan kestabilan di rantau Asia Pasifik.

Ikeda berkata, kini terpulang kepada Asean untuk membantu kedua-dua anggota baru itu untuk memperkenalkan ekonomi berorientasikan pasaran dan juga membuka negara-negara itu ke dunia luar.

Jepun bersedia membantu anggota-anggota Asean dalam beralih ke ekonomi berorientasikan pasaran dan mewujudkan institusi-institusi termasuk sistem perundangan dan pembangunan sumber manusia, kata beliau.

Ikeda juga berkata, Asia Pasifik masih menghadapi ketidakstabilan termasuk keadaan di Semenanjung Korea.

Jepun percaya peraturan keselamatan Jepun-AS akan mengekalkan kestabilan dan kemakmuran ekonomi di rantau ini, kata beliau.

Menteri Luar Korea Selatan Yoo Chong Ha berkata, kehadiran berterusan Amerika Syarikat (AS) dan peranan konstruktif oleh China merupakan elemen penting bagi keamanan dan kestabilan rantau.

Mengenai keadaan di Semenanjung Korea, beliau berharap Korea Utara kini sedar yang Pyongyang akan mendapat manfaat daripada perbincangan empat pihak.

Dalam aspek ekonomi pula, beliau berharap yang negara-negara perdagangan utama termasuk China dan Russia akan menjadi anggota Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dengan segera untuk memperkukuhkan sistem perdagangan multilateral.

Menteri Luar Kanada Lloyd Axworthy sekali lagi meminta Asean untuk memengaruhi Myanmar supaya memperkenalkan pembaharuan politik di negara itu dan menyambut baik usaha yang diterajui oleh Asean dalam menyelesaikan konflik di Kemboja.

Beliau juga mengambil peluang untuk menyeru anggota-anggota PMC supaya

menandatangani perjanjian "Ottawa Process" pada Disember ini untuk mengharamkan pembuatan dan penggunaan periuk api di seluruh dunia.

Naib Perdana Menteri China yang juga Menteri Luar negara itu Qian Qichen berkata, pertumbuhan ekonomi secara berkekalan bukan sahaja memerlukan reformasi berterusan dan sikap terbuka semua negara Asia Pasifik tetapi juga dialog dan kerjasama yang lebih lagi.

"Kita berharap yang negara-negara maju akan mengamalkan sikap bijak dan konstruktif, menangani perselisihan yang berlaku dalam kerjasama ekonomi dua hala ataupun multilateral dengan baik dan mewujudkan persekitaran luar yang lebih baik untuk pertumbuhan negara-negara membangun," kata beliau.

Qian menyatakan rasa kesalnya kerana China terus diketepikan daripada WTO sedangkan keanggotaan awal bukan sahaja akan membantu pembaharuan di China tetapi juga akan memperkukuhkan rejim perdagangan multilateral.

Menteri Luar Russia, Yegevnny Primakov berkata, penyertaan Russia dalam "Denver Summit of Eight" baru-baru ini akan menolong negaranya menyertai forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec).

Mengenai Kemboja, Primakov berkata perbezaan sekarang ialah hal ehwal dalamannya dan meminta parti-parti politik supaya elakan diri daripada perang saudara yang baru.

Menteri Luar Vietnam Nguyen Manh Cam, dalam kenyataannya berkata Vietnam sedang menggiatkan usaha dengan aktif untuk menunaikan kewajibannya di bawah Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) dan pada masa yang sama berusaha bagi menganggotai Apec dan WTO.

"Kita buat masa ini pada peringkat menjawab soalan negara-negara anggota WTO mengenai dasar perdagangan kita dan berusaha sedaya yang boleh untuk memenuhi kriteria itu," kata beliau.

Mengenai projek-projek di Lembangan Mekong, beliau berkata ia memerlukan sumber kewangan yang besar dan oleh itu meminta sokongan dan bantuan yang lebih lagi daripada rakan-rakan dialog Asean yang banyak antara mereka merupakan penderma kepada program-program kerjasama.

Menteri Kewangan India P. Chidambaram berkata, sementara India berazam menepati tarikh akhir antara 2010 dan 2020 yang ditetapkan oleh Apec bagi perdagangan bebas dan pelaburan, ia kecewa kerana masih terpaksa berdepan dengan pelbagai blok perdagangan.

"Kita terharu kerana walaupun adanya kata-kata mengenai multilateralisme dan rantau terbuka, banyak perbuatan pilih kasih terpaksa diharungi oleh pengeksport kita," dan masih terdapat perlindungan yang mendiskriminasi dan yang tidak adil.

Di samping perdagangan bebas, Chidambaram juga menyeru diwujudkan aliran sumber manusia merentasi sempadan dengan berkata saintis-saintis, jurutera dan ahli-ahli teknologi dari India telah dinafikan peluang untuk menyertai ekonomi-ekonomi lain. -- BERNAMA

TM PR